

DEFINISI SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

SEKOLAH LESTARI menggunakan Definisi Alam Sekitar yang dinyatakan:

“Pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar”.

OBJEKTIF SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

SEKOLAH LESTARI dibentuk bagi mencapai objektif berikut:-

- Memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah;
- Meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- Menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan;
- Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar;
- Mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari; dan
- Memupuk nilai sivik dan pembangunan sahsiah ke arah pembangunan lestari.

KOMPONEN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

SEKOLAH LESTARI merangkumi lima komponen, iaitu:-



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar Dan Air
Aras 1-4, Podium 2 & 3,
Wisma Sumber Asli No.25,
Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 Putrajaya
(u.p: Bahagian Komunikasi Strategik)
Tel : 03-8871 2000
www.doe.gov.my



Sekolah
Lestari *Anugerah Alam Sekitar*

LATAR BELAKANG

SEKOLAH LESTARI-Anugerah Alam Sekitar merupakan program usahasama Jabatan Alam Sekitar dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YB Dato' Sri Haji Adenan Haji Satem, Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia pada 27 Januari 2005.

SEKOLAH LESTARI bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan dan elemen khas.

KOMPONEN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

SEKOLAH LESTARI adalah suatu usaha bagi melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara. Dasar Alam Sekitar Negara mempunyai lapan prinsip dan tujuh strategi hijau. Strategi Hijau pertama memfokuskan aspek pendidikan dan kesedaran yang memberi kefahaman tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)



Rajah 1 : Sekolah Lestari dan Interaksinya dengan pelbagai pihak



Rajah 2 : Sekolah Lestari sebagai Payung Aktiviti Alam Sekitar